



7 Februari 2025
Kenyataan Media

Untuk siaran segera

PUSPAKOM: PERSAINGAN BAIK UNTUK SEMUA PIHAK

Shah Alam, 7 Februari 2025 – PUSPAKOM Sdn Bhd (“PUSPAKOM”), syarikat pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia menyambut baik pengumuman terkini oleh Kementerian Pengangkutan tentang kemasukan syarikat-syarikat baharu ke dalam sektor pemeriksaan kenderaan.

Pengumuman ini secara langsung menjadikan industri perkhidmatan pemeriksaan kenderaan menjadi lebih dinamik dan mewujudkan persaingan yang sihat. Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman berkata PUSPAKOM akan terus berusaha menambah baik kualiti perkhidmatan kepada semua pelanggan.

Berkenaan dengan isu integriti pula, Mahmood Razak menegaskan beliau tidak akan bertolak ansur terhadap apa jua salah laku yang melibatkan kakitangan PUSPAKOM.

“Kita semua maklum ketika ini ada kakitangan PUSPAKOM sedang disiasat oleh pihak berkuasa. Saya ingin sekali lagi menegaskan kita bekerjasama dengan pihak berkuasa dan tidak akan berkompromi tentang isu jenayah rasuah,” ujar Mahmood.

“Ini menandakan permulaan era yang mencabar namun menarik bagi PUSPAKOM. Fokus kami adalah untuk meningkatkan standard integriti dalam semua aspek,” tambah Mahmood.

Beliau turut menjelaskan, peranan semua pihak amat penting untuk memastikan budaya keselamatan jalan raya dapat dibina dan dipupuk. Mentaliti menjalankan pemeriksaan hanya untuk lulus perlu dihapuskan. Sebaliknya pemilik kenderaan perlu mempunyai kesedaran bahawa pemeriksaan kenderaan adalah untuk keselamatan



diri dan semua pengguna jalan raya. Ini merupakan peluang untuk semua pihak berganding bahu untuk memupuk budaya keselamatan jalan raya.

“Dari sudut positif, dengan adanya syarikat-syarikat pengendali baharu ini, kita dapat berkongsi tanggungjawab dalam memastikan keselamatan kenderaan dan dapat bertukar pendapat bagi meningkatkan kualiti pemeriksaan kenderaan di Malaysia bersama”, tambah Mahmood lagi.

#AKHIR#